

06 NOV 2003

Negara-Usul

M'SIA BERTUAH DR MAHATHIR PILIH PAK LAH SEBAGAI PENGGANTI

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Seorang senator hari ini berkata Malaysia amat bertuah kerana bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Senator Datuk Nor Azah Awin berkata pemilihan itu adalah tepat memandangkan Abdullah seorang yang berwibawa dan handal.

"Kita percaya rakyat Malaysia akan terus menikmati pembangunan dan keamanan di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita yang baru," katanya semasa menyokong usul pengiktirafan dan penghargaan kepada Dr Mahathir atas jasa-jasa beliau sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri keempat.

Usul itu dibentangkan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam.

Nor Azah yang juga presiden Kelab Senator Malaysia berkata anggota dewan itu berikrar untuk memberi sokongan penuh dan kerjasama erat kepada Abdullah dalam usaha memimpin negara mencapai tahap yang lebih gemilang.

Terduhulu dalam pembentangannya, Kasitah berkata Dr Mahathir adalah khazanah negara yang sangat gemilang kerana bukan sahaja berjaya mewujudkan pembangunan negara yang seimbang tetapi juga berjaya mengekalkan nilai-nilai murni dan kekeluargaan.

"Dan yang paling penting beliau berjaya mewujudkan dasar yang membentuk dan mengukuhkan perpaduan kaum," katanya.

Kasitah berkata sumbangan Dr Mahathir adalah tidak ternilai dan begitu bermakna.

Dalam pada itu Kasitah berkata pemilihan Abdullah adalah tepat kerana beliau tokoh yang paling sesuai untuk meneraju negara dan meneruskan agenda kecemerlangan negara yang telah disusun Dr Mahathir.

"Selain berpengalaman luas dalam politik dan pentadbiran negara, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga mempunyai latar belakang agama yang kukuh," katanya.

Hasil didikan agama yang sempurna, Abdullah, katanya tampil dengan perwatakan yang lembut tetapi tegas, sederhana, dan sentiasa bersedia menerima teguran dan kritikan.

Oleh itu katanya, masyarakat harus meyakini hala tuju negara yang dibentangkan Abdullah semasa berucap pada persidangan Dewan Rakyat awal minggu ini.

-- BERNAMA

NM NM RON